

AKHBAR : **Www.Majalahpama.My**
TARIKH : 03 September 2024
SENTIMEN: Positif

MUKA SURAT: Online
HARI : Sabtu

15,000 Konten Lokal Percuma Di **SeeNi** KLIK & MUAT TURUN

Pa&Ma

KEHAMILAN KELAHIRAN MENARIK LAGI ▾ VIDEO ▾ PA&MA GALA JENAMA PILIHAN PA&MA TOOLS ▾

Login | Register

f o X g y d

Perbarisan Cilik Mega Gamat! Lebih Seribu Kanak-Kanak Tunjuk Bakat Kreatif Mewarna!



Aktiviti mewarna dan kanak-kanak sememangnya tidak dapat dipisahkan. Semuanya demi melatih kekuatan tangan dan daya kreativiti anak-anak dan bermain dengan warna ketika mewarna. Aktiviti ini juga turut menjadi aktiviti utama di Edutainment Fest Simpan SSPN 2024 yang berlangsung pada 24 dan 25 Ogos lalu di Datum Jelatek Shopping Mall, Kuala Lumpur.



Berbeza dengan festival kanak-kanak yang dibawakan Pa&Ma sebelum ini, kali ini kemeriahannya cukup terasa dengan penyertaan lebih 50 buah taska dan tadika serta menghimpunkan lebih 2,000 pengunjung.



Perbarisan Cilik Mega Gamat!

Sebagai pembuka tirai festival ini, kesemua murid-murid dari taska dan tadika ini terlebih dahulu menyemarakkan acara dengan Perbarisan Cilik Mega yang menghimpunkan lebih seribu kanak-kanak sebelum berarak masuk ke ruang pentas utama untuk acara Mari Mewarna Saya Anak Merdeka. Anak-anak kecil dari 50 buah sekolah yang menghimpunkan lebih 1000 kanak-kanak tadika ini berbaris seawal sembilan pagi dan tepat jam 10 pagi, kesemuanya dibawa berarak memasuki ruang legar di pentas utama.



Masing-masing memegang sepanduk dengan nama tadika yang diwakili mereka. Semuanya cantik dan segak berjalan ketika perbarisan. Tidak ketinggalan juga guru-guru yang sentiasa menyokong kuat dan menjaga anak-anak dengan begitu baik sekali.



Mari Mewarna Mendeka Cungkil Daya Kreatif Anak

Selepas selesai berarak, kesemua kanak-kanak dari 50 buah tadika ini kemudiannya mengambil tempat untuk aktiviti mewarna secara mega dimana melibatkan lebih seribu kanak-kanak.



Ketika aktiviti mewarna ini, kanak-kanak diberikan kertas warna dan diberikan masa selama satu jam untuk mewarna. Anak-anak kecil ini ternyata menunjukkan kepakaran masing-masing dan begitu leka mewarna bertemakan Saya Anak Mereka.

<https://www.majalahpama.my/perbarisan-cilik-mega-gamat-lebih-seribu-kanak-kanak-tunjuk-bakat-kreatif-mewarna/>



Ternyata hasilnya tidak mengecewakan bila mana masing-masing memamerkan hasil yang cukup cantik dan kemas. Paling menarik pastinya pelbagai ragam anak-anak kecil ini ketika aktiviti mewarna. Kesungguhan mereka memilih warna dan dipadankan dengan kesesuaian tema seharusnya dipuji. Cantik dan kemas sekali.



Tidak pulang dengan tangan kosong semata-mata, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) turut berbesar hati untuk menghadiahkan seramai 30 peserta dengan akaun Simpan SSPN bernilai RM50 yang dikreditkan ke dalam masing-masing.



Selain itu sebanyak 50 hadiah saguhati berupa cenderahati turut diberikan kepada semua peserta yang tidak berjaya. Semuanya pulang dengan penuh kegembiraan dan satu pengalaman yang cukup bermakna buat mereka.

<https://www.majalahpama.my/perbarisan-cilik-mega-gamat-lebih-seribu-kanak-kanak-tunjuk-bakat-kreatif-mewarna/>